

Kesumba pelbagaikan aktiviti kebajikan dan pendidikan

UB 5.11.2018 A5
KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (Kesumba) Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited membela bakaikan aktiviti kebajikan dan pendidikan dalam kalangan warganya terutana staf wanita dan para pelajar.

Yang Dipertua Kesumba Datin Roha Asmara berkata pihaknya akan memberikan sumbangan yang terbaik sebagai tanda penghargaan kepada pengurusan UMS yang sentiasa memberi sokongan.

"Pada tahun ini, Kesumba telah mengadakan pelbagai aktiviti seperti Majlis Berbuka Puasa Bersama Pelajar B40, Free Market di Kolej Kediaman E, aktiviti keagamaan iaitu tajwid dan ursrah, menyumbang makanan kepada pelajar miskin dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Amal di salah sebuah hotel terkemuka di sini, malam Sabtu.

Roha berkata, majlis itu diadakan khusus bagi meraikan dan menyampaikan sumbangan kepada 30 siswa serta siswi



NORLIDAH (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar B40, sambil diperhatikan Roha (dua dari kiri).

universiti berkenaan yang terpilih dalam kalangan B40.

"Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (atau B40) merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,860.

"Kumpulan isi rumah B40 ini juga merujuk kepada isi rumah miskin dan

bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK)," jelas beliau.

Dalam pada itu, majlis turut menyaksikan penyampaian sumbangan khas kepada Tabung Kebajikan Pelajar di bawah kendalian Jabatan Hal Ehwal Pelajar, di samping sumbangan daripada badan kebajikan yang dinaungi Yang

Dipertua Negeri Tun Dr Juhar Mahiruddin iaitu Yayasan Nur Jauhar (YNJ).

Penyampaian sumbangan itu disempurnakan oleh Toh Puan Dr Norlidah RM Jasni kepada Roha, yang diharap dapat meringankan beban kewangan para pelajar kurang berkemampuan.

PENERANGAN